

Gerabak MRT pertama diterima bulan Mei ini

KUALA LUMPUR - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) akan menerima komponen gerabak pertama dari sebuah kilang di China untuk operasi jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang pada 28 Mei ini.

Pengarah Perhubungan Awam dan Komunikasi Strategik MRT Corp, Amir Mahmood Razak berkata, gerabak itu akan dipasang semula di sebuah kilang di Rasa, Hulu Selangor.

"Penghantaran pertama akan dilakukan pada Mei ini dan kami menjangka membuat percubaan menggunakan gerabak pertama di jajaran itu pada 31 Oktober nanti,"

katanya selepas pelancaran replika gerabak MRT di sini semalam.



AMIR

Replika gerabak berkenaan akan dipamerkan untuk tontonan orang ramai di Balai Ketibaan KLIA Ekspres, KL Sentral di sini mulai semalam hingga 18 Mei ini.

Menurut Amir Mahmood, replika tersebut merupakan salah satu cara memperkenalkan sistem pengangkutan

tersebut sebelum perkhidmatan MRT bermula pada tahun 2017 nanti.

"Replika gerabak itu dibuat di Jerman dan dibawa ke Malaysia semata-mata untuk memberi gam-

baran keadaan dalam dan luaran koci MRT.

"Replika itu dibuat mengikut spesifikasi yang sebenar termasuk juga replika kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di dalam dan di luar gerabak," katanya.

Mengulas lanjut, Amir berkata MRT Corp memerlukan 58 gerabak untuk jajaran Sungai Buloh-Kajang yang merangkumi perjalanan sejauh 51 kilometer dan setiap gerabak yang mempunyai empat koci boleh memuatkan sehingga 1,500 penumpang, namun dihadkan hanya 1,200 penumpang dalam satu-satu masa.

Menurutnya, selepas perkhidmatan berkenaan mula beroperasi, pihaknya meletakkan jangkaan ia akan berupaya membawa sehingga 400,000 penumpang sehari.



REPLIKA gerabak MRT yang dipamerkan untuk tontonan orang ramai di Balai Ketibaan KLIA Ekspres, KL Sentral, Kuala Lumpur semalam.